

Ikhlas menuntut ilmu supaya berkat

SEREMBAN 11 Sept. - Anak Negeri Sembilan yang melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini, diminta ikhlas dan jujur dalam jihad ilmu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, ini penting supaya mahasiswa yang terlibat sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah SWT apatah lagi ilmu yang dipelajari kelak disumbangkan kembali kepada masyarakat.

“Kita perlu ingat, sedikit sebanyak sebenarnya kita berhutang kepada masyarakat kerana kejayaan yang kita capai kelak adalah hasil usaha dan galakan masyarakat.

“Jadi, kita berhutang dengan negeri dan negara. Bayarlah hutang tersebut dengan setulus ikhlas supaya kita menjadi warganegara yang benar-benar jujur untuk melihat negara kita terus melangkah serta mempunyai perasaan penuh yakin untuk membela anak bangsa, negara, agama dan tanah air,” kata beliau pada pertemuan dengan anak negeri ini di USIM, Nilai, baru-baru ini.

Pada majlis tersebut seramai 33 anak negeri ini yang melanjutkan pelajaran ke USIM menerima sumbangan daripada Mohamad sebagai galakan pembelajaran mereka.